

30 JUL 2002

LID-Tiba/I

MENTERI BOTSWANA TIBA DI LANGKAWI UNTUK LID 2002

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Menteri Kewangan dan Pembangunan Perancangan Botswana Baledzi Gaolathe tiba di sini hari ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002).

Beliau adalah antara ketua negara dan kerajaan yang pertama tiba di sini untuk menghadiri dialog empat hari itu. Gaolathe dan delegasinya tiba di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi pada pukul 9.28 pagi.

Kira-kira 380 peserta dari 56 negara akan menghadiri dialog dwi-tahunan yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1995.

Antara ketua negara dan kerajaan yang dijadual tiba di sini esok ialah Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili, Perdana Menteri Mauritius Aneerood Jugnauth, Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel dan Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma.

Presiden Paul Kagame dari Rwanda, Presiden Sudan Omar Hasssan Ahmad Al-Bashir dan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dijangka tiba pada hari Khamis.

LID 2002, sebahagian daripada Global 2002, turut menggabungkan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Dialog itu yang bermula pada 1995, mendapat perhatian serius negara-negara membangun kerana ia menemukan sektor kerajaan dan swasta untuk bertukar-tukar pandangan, fikiran dan mencari pendekatan terbaik untuk membangunkan negara masing-masing.

LID 2002 dijangka memberi tumpuan kepada isu-isu keganasan, ekonomi global dan sosial akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pelangi Beach Resort di Pantai Chenang Khamis ini.

-- BERNAMA

NH MKO TS LAT